

08/09/1997

PM akui perbahasan hambar

ee Shamsir; Nurul Adlina Kamaludin; Meor Hisham Zulkifly; Patimah Ramli
KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan perbahasan ke atas ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung Umno kali ini agak hambar kerana perwakilan kurang berminat berbincang mengenai nilai dan budaya.

Menurutnya, berbanding perbahasan pada perhimpunan sebelum ini yang gamat kerana perwakilan `seronok' menghentam pemimpin dan ahli korporat, kali ini perwakilan kurang bersemangat bercakap mengenai budaya.

Menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno di sini hari ini, Presiden Umno itu menjelaskan, beliau cuba membangkitkan soal budaya dalam pembentukan peribadi dalam ucapan dasar pada hari pertama perhimpunan untuk dibincang dalam perbahasan perwakilan.

Malangnya, kata beliau, tidak begitu ramai yang berbincang mengenai budaya dan peranan yang dimainkan agama dalam pembentukan peribadi yang boleh mencapai kejayaan.

"Kali ini, kalau tak ada peluang nak hentam, tak berapa syoklah ... kalau boleh hentam Majlis Tertinggi seronok sikit. Kalau boleh hentam pihak korporat ka ... itu seronok sikit tapi ini nak kena bincang perkara yang begitu akademik sekali tentang budaya, macam mana nak tukar.

"Jadi dalam perbahasan kita, tak begitu bunyi bersemangat, cuma yang bersemangat betul-betul ialah seperti biasa ... jurucakap daripada negeri Kedah kerana dia memperkenalkan satu simbol baru yang nampaknya macam tu (sambil menunjukkan isyarat menjentik).

"Jadi la ni kita tahu betapa besar dan mustajabnya jentik sehingga gajah pun terpaksa tunduk dan geleng kepala," katanya merujuk kepada ucapan wakil Kedah, Badruddin Amiruddin.

Mengenai keutamaan perjuangan Umno, Dr Mahathir berkata, perjuangan memuliakan umat dan agama Islam lebih utama berbanding penonjolan simbol agama.

"Bagi saya (dosa) yang besar ialah apabila kita mengabaikan tanggungjawab kita untuk memuliakan agama Islam secara sebenarnya, bukan memuliakan simbol Islam tetapi betul-betul menjadikan umat Islam, umat yang kuat, kukuh, yang cergas, yang pandai, yang berilmu dan tidak boleh dihinakan oleh sesiapa. Itu bagi saya menjadi prioriti utama," katanya.

Beliau berkata, perjuangan menegakkan Islam dalam Umno ialah membuktikan Islam tidak menjadi penghalang kepada kemajuan kerana Islam bukan penghalang kemajuan.

"Yang menjadi penghalang kepada kemajuan ialah kerana kita menumpukan dan mengutamakan perkara titik bengik dan lupakan tugas kita yang lebih besar, yang lebih mulia iaitu jadikan umat Islam umat yang bahagia, umat yang terpilih, umat yang berjaya dalam dirinya," katanya.

(END)